

## PEKELILING MMK BIL 2/07

11 May 2007  
23 Rabiulakhir 1428H

**Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kebangsaan  
Ahli-ahli Majlis Muafakat Tertinggi  
Ahli-ahli Lembaga Pelajaran dan Tatatertib  
Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri  
Penyelia Kelas,  
Tanaga Pengajar dan  
Ahli-ahli  
Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia**

Assalamu Alaikum wbt.

Tuan/puan,

### **KEPUTUSAN MESYUARAT MMK BIL 5-06/09**

Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat MMK bil 5-06/09 yang diadakan pada 25 March 2007 telah membuat keputusan berikut:

- 1- Menerima keputusan **Majlis Muafakat Tertinggi** yang telah menamakan **Encik Marwi bin Latif** sebagai Guru Utama Silat Cekak Hanafi yang baru menggantikan Encik Md Radzi Hj Hanafi yang telah digugurkan. Dengan demikian Encik Marwi bin Latif boleh menjalankan tugas sebagai Guru Utama untuk mengembangkan ilmu Silat Cekak Hanafi melalui Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia berkuatkuasa serta-merta.
- 2- Memecat keahlian Encik Md Radzi Hj Hanafi berkuatkuasa serta-merta kerana mengingkari keputusan MMK di mana beliau masih meneruskan kegiatan pengijazahan persilatan dan aktiviti persilatan tanpa kebenaran MMK. Oleh yang demikian mulai 25 March 2007, Encik Md Radzi Hj Hanafi sudah tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia samada secara langsung mahupun tidak langsung.
- 3- Menggantung keahlian Encik Mohd Azhar Mohd Ali untuk tempoh tiga (3) tahun berkuatkuasa serta-merta kerana mengingkari keputusan MMK dengan cara mengeluarkan dan menandatangani surat edaran kepada ahli bertarikh 20 September 2006 tanpa kebenaran MMK di mana isi kandungan surat tersebut adalah jelas bertentangan dengan keputusan MMK. Oleh yang demikian, jawatan Ketua Perhubungan Dan Seranta yang disandang oleh beliau juga tidak berfungsi dan beliau dengan ini tidak berkuasa menjalankan tugas sebagai Ketua Perhubungan Dan Seranta serta tidak berhak mewakili persatuan dalam apa-apa aktiviti dan urusan persatuan.

4- Menggantung jawatan Encik Aminuddin Dahalan sebagai Penolong Ketua Perhubungan dan Seranta berkuat-kuasa serta merta bagi suatu masa yang akan dimaklumkan kelak kerana melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak diiktiraf oleh MMK. Oleh yang demikian, jawatan Penolong Ketua Perhubungan dan Seranta yang disandang oleh beliau tidak berfungsi dan beliau dengan ini tidak berkuasa menjalankan tugas sebagai Penolong Ketua Perhubungan Dan Seranta serta tidak berhak mewakili persatuan dalam apa-apa aktiviti dan urusan persatuan.

5- Semua cawangan, pusat latihan dan kelas-kelas persilatan Silat Cekak Ustaz Hanafi seluruh negara serta semua penjawat jawatan dan ahli-ahli Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia hendaklah menerima dan mengiktiraf perlantikan Encik Marwi bin Latif sebagai Guru Utama Silat Cekak Hanafi yang baru. Tindakan tegas boleh diambil jika mengingkari arahan Majlis Mesyuarat Kebangsaan ini.

Sekian, terima kasih.

**RAMLEE ABDUL RAHMAN**

Setiausaha Agung

Mei 2007